MOHD HELMI AKMAL MOHD ALI lwn. PP

MAHKAMAH RAYUAN, PUTRAJAYA
MOHD ZAWAWI SALLEH HMR
AHMADI ASNAWI HMR
KAMARDIN HASHIM HMR
[RAYUAN JENAYAH NO: B-05(M)-50-01-2015]
5 APRIL 2017

UNDANG-UNDANG JENAYAH: *Akta Dadah Berbahaya 1952 – Seksyen 39B(1)(a) – Pengedaran – Sabitan dan hukuman – Rayuan – Dadah ditemui dalam bilik perayu – Sama ada terdapat kemungkinan dadah diletakkan oleh orang lain dalam bilik perayu – Sama ada perayu mempunyai jagaan dan kawalan atas bilik dadah ditemui – Sama ada bilik turut diakses oleh rakan dan ahli keluarga perayu – Kegagalan pihak penyiasat menyiasat penglibatan penama 'Ian Hooi' – Sama ada perayu diprejudis – Sama ada maklumat awam adalah keterangan dengar cakap yang tidak wajar diterima – Sama ada hakim bicara terkhilaf apabila mengguna pakai anggapan berganda bawah s. 37(d) dan 37(da) Akta Dadah Berbahaya 1952*

Perayu dihadapkan dengan satu pertuduhan bagi kesalahan mengedar dadah berbahaya bawah s. 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 ('Akta'). Bertindak atas maklumat awam, SP4 bersama pasukannya membuat serbuan di sebuah rumah di Petaling Jaya ('rumah tersebut') di mana SP4 menahan seorang lelaki bernama Helmi ('perayu'). SP4 bertanyakan kepadanya sama ada dia ada menyimpan barang-barang salah. SP4 menyatakan bahawa perayu menjawab 'ada' dan terus membawa SP4 ke sebuah bilik dan menunjukkan ke arah satu almari pakaian di dalam bilik itu. Apabila SP4 membuka pintu almari pakaian tersebut, SP4 melihat terdapat tujuh ketulan mampat daun-daun kering disyaki ganja yang dibalut dengan plastik lut sinar. Perayu dan barang-barang kes yang dirampas dibawa ke balai dan ahli kimia SP3 mengesahkan tujuh ketulan mampat daun-daun kering tersebut mengandungi dadah berbahaya jenis kanabis seberat 6,559g, hal perkara dalam pertuduhan. Setelah membuat pertimbangan, hakim bicara membuat dapatan fakta bahawa pihak pendakwaan berjaya membuktikan satu kes *prima facie* terhadap perayu atas pertuduhan yang dihadapkan. Hakim bicara, antara lain, memutuskan bahawa perayu mempunyai jagaan dan kawalan atas bilik di mana dadah tersebut dirampas dan seterusnya mengguna pakai anggapan bawah s. 37(d) Akta untuk membuktikan elemen pengetahuan. Untuk elemen pengedaran, hakim bicara mengguna pakai anggapan bawah s. 37(da) Akta kerana berat dadah berbahaya kanabis tersebut melebihi berat minima 200g yang diperuntukkan bawah peruntukan anggapan tersebut. Perayu, dalam pembelaannya, menafikan dadah tersebut miliknya dan menyatakan bahawa kemungkinan dadah tersebut milik rakan-rakannya. Hakim bicara menolak

pembelaan perayu sebagai satu penafian kosong semata-mata dan mendapati perayu gagal menimbulkan sebarang keraguan munasabah terhadap kes pihak pendakwaan dan gagal mematahkan anggapan pengetahuan bawah s. 37(d) Akta atas imbangan kebarangkalian. Hakim bicara mensabitkan perayu dengan pertuduhan yang dihadapkan dan menjatuhkan hukuman mati mandatori atas perayu. Justeru, perayu merayu terhadap keseluruhan keputusan hakim bicara atas alasan-alasan berikut (i) maklumat yang diterima berkaitan tangkapan terhadap perayu adalah keterangan dengar cakap dan tidak wajar diterima masuk sebagai keterangan; (ii) kemungkinan dadah yang dipertuduhkan diletakkan oleh orang lain dalam bilik perayu; (iii) hakim bicara terkhilaf apabila mendapati perayu mempunyai jagaan dan/atau kawalan terhadap bilik dadah ditemui dan seterusnya mendapati perayu mempunyai milikan terhadap barang kes dadah yang dirampas; (iv) hakim bicara terkhilaf apabila membuat dapatan bahawa pembelaan perayu hanya satu penafian kosong semata-mata; dan (v) hakim bicara terkhilaf apabila mengguna pakai anggapan berganda bawah s. 37(d) dan s. 37(da) Akta terhadap perayu.

Diputuskan (membenarkan rayuan; mengetepikan perintah sabitan dan hukuman)

Oleh Kamardin Hashim HMR menyampaikan penghakiman mahkamah:

(1) Keterangan berkaitan maklumat awam yang diterima oleh pegawai serbuan sebelum tangkapan dan rampasan dadah dilakukan adalah keterangan dengar cakap dan bersifat prejudis terhadap perayu dan, oleh itu, tidak boleh diterima. Walau bagaimanapun, dalam kes ini, hakim bicara telah menolak keterangan sedemikian. Malahan, hakim bicara turut menolak keterangan berkaitan dengan pelakuan perayu dalam menunjukkan di mana tujuh ketulan mampat dadah ganja tersebut disembunyikan. Sebaliknya, hakim bicara membuat dapatan milikan terhadap perayu adalah atas fakta perayu telah dibuktikan sebagai penghuni bilik dadah tersebut ditemui. Oleh demikian, tiada merit dalam alasan rayuan pertama perayu. (perenggan 25 & 26)

(2) Keterangan yang dikemukakan menunjukkan terdapat kemungkinan besar bilik dadah ditemui turut diakses oleh rakan-rakan perayu dan ahli keluarga perayu sendiri serta ditambah pula dengan fakta bilik dan almari tidak boleh dikunci. Terdapat juga kelemahan dalam siasatan pegawai penyiasat SP5 apabila dia gagal menyiasat penglibatan penama 'Ian Hooi'. Nama 'Ian Hooi' telah diberitahu oleh perayu kepada SP5 dan turut disebut oleh pernyataan perayu dalam beramarannya, namun gagal disiasat oleh SP5. Penama 'Ian Hooi' turut ditangkap oleh SP4 sebelum perayu ditangkap dan dipertuduh atas kesalahan mengedarkan dadah berbahaya di Mahkamah Tinggi. Satu 'notis *Alcontara*' yang sempurna dan efektif telah diberi kepada pihak polis. Sekiranya SP5

ingin menyiasat penama 'Ian Hooi', ini dengan mudah dapat dilakukan tetapi SP5 memilih untuk tidak melakukan apa-apa siasatan terhadap 'Ian Hooi' atas sebab dia hanya ingin menumpukan siasatannya terhadap perayu semata-mata. Ini telah memprejudiskan perayu. Selain penama 'Ian Hooi', perayu turut menyatakan bahawa rakan-rakannya yang lain sering ke bilik perayu. Penama-penama yang diberi gagal disiasat oleh pihak polis. Tiada secebis keterangan pun dikemukakan oleh pihak pendakwaan mengenai penama-penama ini. (perenggan 30-34)

(3) Akta telah dipinda melalui Akta Dadah Berbahaya (Pindaan) 2014 dan mula berkuat kuasa pada 15 Februari 2014. Melalui pindaan tersebut, s. 37A baru telah dimasukkan yang membenarkan penggunaan anggapan berganda. Seksyen 37A merupakan undang-undang substantif yang tidak boleh berkuat kuasa secara retrospektif dan sepatutnya terpakai secara prospektif. Pertuduhan terhadap perayu menyatakan bahawa tarikh kejadian berlaku pada 13 Februari 2013 iaitu sebelum tarikh kuat kuasa peruntukan baharu s. 37A tersebut. Dengan itu, s. 37A yang membenarkan kedua-dua anggapan dadah tidak terpakai dalam kes terhadap perayu. Hakim bicara tersalah arah secara serius apabila mengguna pakai kedua-dua anggapan bawah s. 37(d) dan s. 37(da) Akta terhadap perayu. Salah arahan yang serius ini mengundang campur tangan mahkamah ini. Dengan itu, sabitan perayu tidak selamat. (perenggan 43-45)

English *Headnotes*

The appellant was charged with the offence of trafficking in dangerous drugs under s. 39B(1)(a) of the Dangerous Drugs Act 1952 ('the Act'). Acting upon public information, SP4 and his team raided a house in Petaling Jaya ('the said house') where SP4 detained a man by the name of Helmi ('the appellant'). SP4 had asked the appellant whether he had in his possession any illegal substances. SP4 stated that the appellant had answered 'yes' and brought SP4 to a room and pointed towards a cupboard. When SP4 opened the said cupboard, SP4 found seven slabs of compressed dried leaves believed to be cannabis wrapped in transparent plastic. The appellant and the said items that were confiscated were brought to the police station and the chemist SP3 confirmed that the seven slabs of compressed dried leaves contained cannabis type dangerous drugs weighing 6,559g, the subject matter of the said charge. Upon considerations, the trial judge made a finding of fact that the prosecution has successfully established a *prima facie* case against the appellant on the charge against him. The trial judge, *inter alia*, held that the appellant had custody and control over the room where the said drugs were found and had applied the presumption under s. 37(d) of the Act to prove the element of knowledge. For the element of trafficking, the trial judge applied the presumption under s. 37(da) of the Act as the weight of the

dangerous drugs exceeded the minimum weight of 200g provided for under the said provision. The appellant, in his defence, denied that the drugs belonged to him and instead stated that there was a possibility that the drugs belonged to his friends. The trial judge dismissed the appellant's defence as mere denial and found that the appellant failed to raise any reasonable doubt on the prosecution's case and did not succeed in rebutting the presumption of knowledge under s. 37(d) of the Act on a balance of probabilities. The trial judge convicted the appellant of the charge against him and handed down a mandatory death sentence. Thus, the appellant appealed against the decision of the trial judge on these grounds: (i) the information received regarding the appellant's arrest was a hearsay evidence and ought not to have been accepted as evidence; (ii) the possibility that the drugs had been placed in the appellant's room by others; (iii) the trial judge had erred when he found that the appellant had custody and/or control over the room where the drugs were found and held that the appellant had possession of the drugs; (iv) the trial judge had erred when he found that the appellant's defence was a mere denial; and (v) the trial judge had erred when he applied the double presumption under ss. 37(d) and 37(da) of the Act against the appellant.

Held (allowing appeal; setting aside conviction and sentence)
Per Kamardin Hashim JCA delivering the judgment of the court:

(1) The evidence regarding public information received by the raiding team before the arrest of the appellant and the seizure of the drugs was hearsay evidence and prejudicial to the appellant and ought not to have been accepted. However, in this case, the trial judge dismissed the evidence. In fact, the trial judge had also dismissed evidence concerning the act of the appellant in showing where the said seven slabs of compressed cannabis were hidden. Instead, the trial judge had made a finding of possession against the appellant on the fact that the appellant had been proven to be the occupant of the room where the drugs were found. Therefore, there was no merit in the appellant's first ground of appeal.

(2) The evidence adduced showed that there was a huge possibility that the room where the drugs were found was easily accessible by the appellant's friends and family, as well as the fact that the room and the cupboard could not be locked. There were also weaknesses in the investigation conducted by the investigation officer SP5 when he failed to look into the involvement of 'Ian Hooi'. The name 'Ian Hooi' was mentioned by the appellant to SP5 and was also mentioned by the appellant in his cautioned statement, but it was not investigated by SP5. 'Ian Hooi' had also been arrested by SP4 before the appellant was arrested and had been charged with the offence of trafficking in dangerous drugs at the High Court. A complete and effective '*Alcontara* notice' had been given to the police. Had SP5 wanted to investigate 'Ian

Hooi', he could have easily done so, but SP5 chose not to conduct any investigation against 'Ian Hooi' because he wanted to focus solely on the appellant. This caused prejudice to the appellant. Other than 'Ian Hooi', the appellant also stated that his other friends frequented his room. The police failed to investigate the names that were given. Not an iota of evidence had been adduced by the prosecution regarding the names given.

(3) The Act has been amended *via* Dangerous Drugs (Amendment) Act 2014 and was enforced on 15 February 2014. Through the said amendment, the new s. 37A was inserted, allowing for the application of double presumption. Section 37A is a substantive law that could not be enforced retrospectively and ought to be applied prospectively. The charge against the appellant stated that the date of the incident was 13 February 2013 which was before the date the new s. 37A was enforced. Therefore, s. 37A which allows double presumption could not be invoked in the case against the appellant. The trial judge made a serious error when he applied both presumptions under s. 37(d) and 37(da) of the Act against the appellant. This serious misdirection warranted this court's intervention. Thus, the appellant's conviction was unsafe.

Kes-kes yang dirujuk:
Abdullah Zawawi Yusoff v. PP [1993] 4 CLJ 1 SC ***(dirujuk)***
Chan King Yu v. PP [2009] 1 CLJ 601 FC ***(dirujuk)***
Dalip Bhagwan Singh v. PP [1997] 4 CLJ 645 FC ***(dirujuk)***
Hooman Khanloo v. PP [2015] 6 CLJ 1005 CA ***(dirujuk)***
Manu Sharma v. State (NCT of Delhi) [20l0] 6 SCC I ***(dirujuk)***
Mohamad Hanafi Mohamad Hashim lwn. PP [2016] 6 CLJ 378 CA ***(dirujuk)***
Muhammed Hassan v. PP [1998] 2 CLJ 170 FC ***(dirujuk)***
PP v. Abdul Manaf Muhamad Hassan [2006] 2 CLJ 129 FC ***(dirujuk)***
PP v. Lim Chsung Meng & Anor And Another Appeal [2015] 1 LNS 1226 CA ***(dirujuk)***
Saeid Reza Mohammadi Mohammad lwn. PP [2016] 1 LNS 303 CA ***(dibezakan)***
Sasi Thomas v. State and Ors [2006] 12 SCC 421 ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Criminal Procedure Code, ss. 307(6), 310
Dangerous Drugs Act 1952, ss. 37(d), (da), 37A(1)(b), 39B(2), First Schedule

Bagi pihak perayu - Esther Tan Siew Choo; T/n Esther Tan & Assocs
Bagi pihak responden - Jasmee Hameeza Jaafar; TPR

[Nota pengarang: Rayuan dari Mahkamah Tinggi, Shah Alam; Perbicaraan Jenayah No: 45A-169-08-2013 (ditolak).]

Dilaporkan oleh Suhainah Wahiduddin

A

PENGHAKIMAN

Kamardin Hashim HMR:

Latar Belakang

B **[1]** Perayu telah dihadapkan dengan satu pertuduhan bagi kesalahan mengedar dadah berbahaya di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952 ('Akta') yang boleh membawa hukuman mati mandatori di bawah s. 39B(2) Akta.

[2] Butir-butir pertuduhan terhadap perayu berbunyi seperti berikut:

> C Bahawa kamu pada 13.2.2013 jam lebih kurang 10.40 malam, bertempat di rumah No. 11, Jalan 226, Seksyen 51A Sg. Way, di dalam Daerah Petaling, di dalam Negeri Selangor Darul Ehsan telah didapati mengedar dadah berbahaya iaitu Cannabis sejumlah berat 6,559 gram dan oleh yang demikian, kamu telah melakukan kesalahan di bawah seksyen 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan boleh dihukum di bawah seksyen 39B(2) Akta yang sama.

D **[3]** Di akhir perbicaraan, Hakim Mahkamah Tinggi ('hakim bicara') telah mensabitkan perayu dengan pertuduhan di atas dan telah menjatuhkan hukuman mati mandatori ke atas perayu. Perayu yang terkilan dengan sabitan dan hukuman tersebut, telah merayu ke mahkamah ini.

E **[4]** Kami telah mendengar rayuan perayu pada 20 Mac 2017 dan kami telah membenarkan rayuan perayu. Kami memerintahkan sabitan dan hukuman mati oleh hakim bicara diketepikan dan digantikan dengan perintah agar perayu dilepaskan dan dibebaskan dari pertuduhan. Kami perturunkan alasan-alasan kami dalam membenarkan rayuan perayu seperti di bawah.

F **Kes Pendakwaan**

[5] Kes pihak pendakwaan secara ringkasnya adalah seperti berikut. Pada 13 Februari 2013, jam lebih kurang 10.40 malam, bertindak atas maklumat awam, ASP Mohd Sahar bin Mohd Yunus (SP4) bersama empat anggota pasukannya dari Bahagian Narkotik, IPD Petaling Jaya telah membuat G serbuan di sebuah rumah di alamat No. 11, Jalan 226, Seksyen 51A, Sg. Way, Petaling Jaya ('rumah tersebut').

[6] Apabila sampai di rumah tersebut, SP4 dan anggota pasukan serbuan terus masuk melalui pagar yang tidak berkunci dan memperkenalkan dirinya kepada seorang lelaki, Mohd Ali bin Mohd Noh, iaitu bapa kepada perayu H yang berada di kawasan hadapan rumah tersebut. SP4 memberitahu maksud kedatangannya adalah untuk mencari seorang lelaki bernama 'Helmi'. SP4 telah dibawa masuk ke dalam rumah oleh bapa perayu.

[7] Setelah masuk ke dalam rumah, SP4 terus menahan seorang lelaki dan I seorang perempuan yang sedang berdiri berhampiran meja makan. Lelaki tersebut dikenali sebagai Khairul Najmi bin Mohd Ali (SP2) dan perempuan itu pula dikenali sebagai Noraishah binti Husin, isteri kepada SP2. Menyedari SP2 bukanlah orang yang beliau cari, SP4 terus mencari orang

sebenar yang beliau cari. Pada masa yang sama, SP4 melihat seorang lelaki keluar dari pintu bahagian dapur dan lelaki itu mengesahkan yang dia bernama 'Helmi'. SP4 terus menahan perayu di situ.

[8] Selepas perayu ditahan, SP4 terus membacakan kata-kata amaran di bawah s. 37A(1)(b) Akta kepada perayu dan seterusnya SP4 telah bertanyakan kepada perayu sama ada beliau ada menyimpan apa-apa barang salah. SP4 menyatakan bahawa perayu menyatakan 'ada' dan terus membawa SP4 ke sebuah bilik dan menunjukkan ke arah satu almari pakaian yang berada di dalam bilik itu.

[9] Apabila SP4 membuka pintu almari pakaian tersebut, SP4 melihat terdapat tujuh ketulan mampat daun-daun kering disyaki ganja yang dibaluti dengan plastik lut sinar.

[10] Dalam pemeriksaan selanjutnya di dalam bilik yang sama, SP4 telah merampas satu alas plastik pemotong berwarna putih, satu alat timbang digital jenama "Baurer" dan sebilah pisau dari bawah katil di dalam bilik tersebut.

[11] Di dalam bilik yang sama juga, SP4 telah merampas barang-barang kes berikut dari atas sofa:

(a) satu seluar jeans jenama 'Levis Strauss & Co';

(b) satu t-shirt berwarna hitam bertulis 'Arch Enemy';

(c) satu kertas A4 yang bertulis 'Tele-Temps: Attendance Sheet For Normal Working Hours' atas nama perayu; dan

(d) satu borang bertulis 'Dokumen Banci Penduduk Dan Perumahan Malaysia 2010 Surat Tawaran Pekerjaan Secara Sambilan' atas nama perayu.

[12] Perayu dan barang-barang kes yang dirampas termasuk tujuh ketulan disyaki ganja telah dibawa balik ke balai. Perayu dan kesemua barang kes kemudiannya telah diserahkan kepada pegawai penyiasat, Inspektor Shaiful Nizam bin Hj. Wahidin (SP5), untuk tindakan lanjut.

[13] Kesemua tujuh ketulan mampat daun-daun kering disyaki ganja, satu alas plastik pemotong dan sebilah pisau telah dihantar kepada ahli kimia, Dr Vanitha a/p Kunalan (SP3) untuk pemeriksaan dan analisis. SP3 mengesahkan bahawa hasil analisis yang dijalankan, tujuh ketulan mampat daun-daun kering tersebut mengandungi dadah berbahaya jenis cannabis seberat 6,559g, hal perkara dalam pertuduhan. SP3 mengesahkan juga bahawa cannabis tersenarai di bawah Jadual Pertama Akta.

[14] SP3 turut mengesahkan bahawa hasil analisis ke atas alas plastik pemotong dan sebilah pisau mempunyai kesan cannabis resin. Namun SP3 tidak diminta untuk mengesahkan sama ada cannabis resin tersebut adalah sama dengan cannabis resin yang terdapat pada mana-mana tujuh ketulan mampat daun-daun kering yang beliau telah jalankan analisis.

A **Dapatan Hakim Bicara Di Akhir Kes Pendakwaan**

[15] Hakim bicara yang bijaksana telah menyatakan di dalam penghakimannya (ms. 12 RR Jld. 1) bahawa tiga elemen utama perlu dibuktikan oleh pihak pendakwaan bagi membuktikan satu kes *prima facie* terhadap perayu atas pertuduhan yang dihadapkan. Tiga elemen tersebut
B seperti yang dinyatakan oleh hakim bicara ialah:

(a) ekshibit yang terlibat adalah sejenis dadah berbahaya yang tersenarai dalam Jadual Pertama Akta;

(b) perayu mempunyai kawalan, jagaan dan milikan serta pengetahuan
C terhadap dadah berbahaya yang menjadi hal perkara pertuduhan; dan

(c) perayu telah memperedarkan dadah berbahaya yang dipertuduhkan.

[16] Setelah membuat pertimbangan secara maksima keterangan saksi-saksi pendakwaan, hakim bicara telah membuat dapatan fakta bahawa pihak
D pendakwaan telah berjaya membuktikan satu kes *prima facie* terhadap perayu atas pertuduhan yang dihadapkan. Hakim bicara telah berpuas hati bahawa semua elemen pertuduhan telah berjaya dibuktikan oleh pihak pendakwaan. Hakim bicara telah menerima keterangan saksi SP3 mengenai analisis yang telah dijalankan bagi mencapai keputusan bahawa tujuh ketulan mampat
E daun-daun kering ialah dadah berbahaya cannabis dengan jumlah berat 6,559g. Kepakaran dan analisis yang telah dilakukan serta dapatan dan keputusan SP3 tidak dipertikaikan oleh pihak pembelaan.

[17] Mengenai elemen milikan, hakim bicara telah menerima keterangan SP2 dan juga keterangan daripada ibu perayu sendiri, Noor Kamar binti Isa
F (SP1), apabila mereka menyatakan bahawa bilik 3 di mana dadah telah ditemui adalah dihuni oleh perayu. Hakim bicara turut menerima keterangan bahawa dokumen-dokumen peribadi perayu seperti 'Attendance Sheet For Normal Working Hours' (P11) dan 'Dokumen Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2010 Surat Tawaran Pekerjaan Secara Sambilan' (P12)
G turut ditemui di dalam bilik yang sama. Selain dari itu, hakim bicara turut menerima keterangan bahawa perayu sendiri telah menunjukkan tempat di mana tujuh ketulan mampat daun-daun kering tersebut telah ditemui. Hakim bicara membuat dapatan bahawa perayu mempunyai kawalan dan jagaan terhadap bilik di mana dadah ganja tersebut telah dirampas dan seterusnya
H hakim bicara mengguna pakai anggapan di bawah s. 37(d) Akta untuk membuktikan elemen pengetahuan.

[18] Untuk elemen pengedaran, hakim bicara telah mengguna pakai anggapan di bawah s. 37(da) Akta kerana berat dadah berbahaya cannabis yang dipertuduhkan melebihi dari berat minima 200g yang diperuntukkan di
I bawah peruntukan anggapan tersebut. Dengan itu, perayu telah diperintahkan untuk membela diri atas pertuduhan yang telah dihadapkan.

Kes Pembelaan

[19] Perayu telah memilih untuk memberikan keterangan membela dirinya secara bersumpah dari kandang saksi. Hanya perayu seorang sahaja saksi kes pihak pembelaan.

[20] Dalam keterangan pembelaannya, secara ringkasnya perayu menyatakan seperti berikut:

(a) perayu menganggotai sebuah kumpulan pemuzik yang dikenali sebagai 'Band Sick Society' yang telah ditubuhkan sejak tahun 2010;

(b) perayu menyatakan bahawa latihan bermain alat muzik kumpulan 'Band Sick Society' diadakan di dalam bilik 3 di rumah beliau di mana dadah ditemui;

(c) semasa latihan muzik diadakan, selain ahli kumpulan hadir, beberapa orang kawan mereka juga turut hadir bersama di dalam bilik yang sama;

(d) perayu menjelaskan bahawa walaupun bilik itu agak kecil namun semasa latihan diadakan beberapa barangan seperti sofa dan katil akan dikeluarkan dari dalam bilik itu;

(e) perayu juga menyatakan bilik itu tidak boleh dikunci dari luar dan hanya boleh dikunci dengan menggunakan selak dari dalam bilik. Perayu turut menyatakan bahawa almari di mana dadah ditemui tidak boleh dikunci oleh kerana ia merupakan sebuah almari yang telah usang;

(f) pada 13 Februari 2013, jam 8.30 malam, beliau baru pulang dari menonton wayang bersama teman wanita sebelum ditangkap oleh pihak polis;

(g) bahawa SP4 telah membawa beliau keluar dari rumah sebelum membawanya semula masuk ke dalam rumah dan seterusnya ke dalam bilik beliau di mana dadah dijumpai di dalam almari yang tidak berkunci;

(h) perayu bersetuju bahawa beliau tidur di dalam bilik di mana dadah yang dipertuduhkan telah ditemui; dan

(i) perayu menafikan dadah tersebut milik beliau dan sebaliknya menyatakan bahawa kemungkinan dadah tersebut milik rakan-rakannya. Perayu turut menafikan mempunyai pengetahuan terhadap alat penimbang, pelapik plastik pemotong dan pisau yang dijumpai di bawah katil di dalam bilik tidurnya.

[21] Setelah meneliti keterangan membela diri perayu dan membuat penilaian semula kes pihak pendakwaan, hakim bicara telah menolak pembelaan perayu sebagai satu penafian kosong semata-mata. Hakim bicara juga mendapati bahawa pihak perayu telah gagal untuk menimbulkan sebarang keraguan yang munasabah terhadap kes pihak pendakwaan dan

telah gagal untuk mematahkan anggapan pengetahuan di bawah s. 37(d) Akta atas imbangan kebarangkalian. Kami perturunkan dapatan hakim bicara di ms. 41-43 RR Jld. 1 seperti berikut:

> Mahkamah mendapati pihak peguambela telah mengemukakan semula hujahan pembelaan yang sama sepertimana yang telah dikemukakan diakhir kes pembelaan. Isu milikan ekslusif terhadap bilik no. 3 telah dibincangkan dengan panjang lebar diperingkat pendakwaan. Mahkamah juga telah membuat dapatan bahawa berdasarkan keterangan-keterangan saksi-saksi pendakwaan, jelas bilik no. 3 dihuni oleh OKT. Justeru, saya tidak berhajat untuk membincangkan isu ini dengan lebih lanjut diperingkat pembelaan.
>
> Bagi isu penama "Ian Hooi" dan ahli band "Sick Society" ini telah dikemukakan diperingkat kes pendakwaan lagi, namun apabila mahkamah telah memerintahkan OKT untuk membela diri, ahli-ahli kumpulan "Sick Society" ini tidak langsung dipanggil untuk menjadi saksi pembelaan. Keterangan pembelaan OKT hanyalah penafian kosong semata-mata ("bare denial") dan tidak disokong oleh mana-mana keterangan sokongan yang lain.
>
> Bagi isu penama "Ian Hooi" ini, pihak pembelaan berhujah bahawa penama ini telah ditimbulkan oleh OKT diperingkat awal siasatan lagi, namun tiada sebarang siasatan lanjut dijalankan.
>
> Saya bersetuju dengan pihak pendakwaan bahawa melalui keterangan OKT, tiada apa-apa butiran lanjut dikemukakan kepada pihak polis untuk membuat siasatan lanjut walaupun OKT dikatakan telah lama mengenali "Ian Hooi" ini. Justeru itu, adalah mustahil bagi pihak polis untuk membuat siasatan lanjut apabila hanya nama sahaja dikemukakan.
>
> Saya merasa sukar untuk mempercayai keterangan pembelaan OKT ini dan OKT tidak berjaya menimbulkan sebarang keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan.
>
> Merujuk kepada kes Mahkamah Rayuan *Said Reza Mohammadi Mohammad v. PP* [2016] 1 LNS 303 di para 31 memutuskan seperti berikut:
>
> > [31] Mengenai kegagalan untuk menyiasat Abbas Jamali, kami mendapati perayu gagal untuk mengemukakan maklumat lanjut mengenai penama Abbas Jamali kepada Pegawai Penyiasat SP6. Malahan SD2 yang mengenali dan rakan kepada Abbas Jamali turut gagal mengemukakan butir-butir jelas mengenai penama tersebut. Oleh itu kami mendapati tidak ada Notis *Alcontara* yang efektif telah diberikan oleh pihak perayu kepada SP6 dalam kes ini. Perayu tidak boleh menyalahkan SP6 kerana gagal untuk menyiasat dan mengemukakan Abbas Jamali ke Mahkamah.
>
> Saya juga bersetuju dengan pihak pendakwaan bahawa tiada keperluan bagi Mahkamah untuk revisit kes pendakwaan apabila mahkamah telah memutuskan bahawa satu kes *prima facie* telah berjaya dibuktikan oleh pihak pendakwaan. Akhir sekali, saya bersetuju dengan penghujahan pihak Timbalan Pendakwa Raya diakhir kes pihak pembelaan.

Oleh yang demikian, setelah meneliti keterangan saksi-saksi dan penghujahan kedua-dua belah pihak, maka saya mendapati pihak pendakwaan berjaya membuktikan kesnya melampaui keraguan munasabah.

Pihak pembelaan telah gagal untuk mematahkan anggapan pengetahuan di bawah seksyen 37(d) ADB 1952 dan seterusnya pihak pembelaan gagal menimbulkan sebarang keraguan munasabah terhadap kes pendakwaan.

[22] Hakim bicara telah mensabitkan perayu dengan pertuduhan yang dihadapkan dan telah menjatuhkan hukuman mati mandatori ke atas perayu. Justeru, perayu merayu terhadap keseluruhan keputusan hakim bicara tersebut.

Alasan Rayuan

[23] Peguam bela terpelajar telah membangkitkan lima alasan rayuan dalam hujahannya untuk membenarkan rayuan perayu. Lima alasan rayuan perayu adalah seperti berikut:

(a) maklumat yang diterima berkaitan tangkapan terhadap perayu adalah keterangan dengar cakap (hearsay) dan tidak wajar diterima masuk sebagai keterangan oleh hakim bicara;

(b) kemungkinan dadah yang dipertuduhkan telah diletakkan oleh orang lain dalam bilik perayu;

(c) hakim bicara terkhilaf apabila mendapati perayu mempunyai jagaan dan/atau kawalan terhadap bilik di mana dadah ditemui dan seterusnya mendapati perayu mempunyai milikan terhadap barang kes dadah yang dirampas;

(d) hakim bicara terkhilaf apabila membuat dapatan bahawa pembelaan perayu hanya satu penafian kosong semata-mata; dan

(e) hakim bicara terkhilaf apabila mengguna pakai anggapan berganda di bawah s. 37(d) dan s. 37(da) Akta terhadap perayu.

Dapatan Kami

[24] Mengenai alasan rayuan pertama, pengaduan ("complaint") peguam bela terpelajar adalah terhadap penerimaan masuk keterangan berkaitan penangkapan terhadap perayu hasil daripada maklumat orang awam yang menyatakan bahawa seorang yang bernama "Mi" yang tinggal di alamat rumah tempat kejadian telah menjalankan aktiviti pengedaran dadah. Peguam bela menghujahkan bahawa keterangan tersebut adalah merupakan keterangan dengar cakap dan memprejudiskan kepada perayu. Peguam bela berpegang kepada prinsip yang telah diputuskan dalam kes *Chan King Yu v. PP* [2009] 1 CLJ 601; [2009] 1 MLJ 457 dan *Abdullah Zawawi Yusoff v. PP* [1993] 4 CLJ 1; [1993] 3 MLJ 1.

[25] Kami bersetuju dengan prinsip undang-undang yang telah diputuskan dalam nas-nas yang telah dirujuk oleh peguam bela terpelajar bahawa keterangan berkaitan maklumat awam yang diterima oleh pegawai serbuan sebelum tangkapan dan rampasan dadah dilakukan adalah keterangan dengar cakap dan bersifat prejudis terhadap perayu dan oleh itu tidak boleh diterima. Walau bagaimanapun, dalam kes terhadap perayu di hadapan kami, kami mendapati hakim bicara telah menolak keterangan sedemikian. Malahan, hakim bicara turut menolak keterangan berkaitan dengan pelakuan perayu dalam menunjukkan di mana tujuh ketulan mampat dadah ganja tersebut disembunyikan. Sebaliknya hakim bicara tersebut telah membuat dapatan milikan terhadap perayu adalah atas fakta perayu telah dibuktikan sebagai penghuni ("occupier") bilik di mana dadah ditemui. Dapatan hakim bicara itu adalah seperti berikut (di ms. 31 RR Jld. 1):

> Meskipun P3 telah ditanda dan dipersetujui oleh peguambela OKT, namun pada sewaktu SP4 memberi keterangan, peguambela telah membantah bahawa OKT telah memberitahu SP4 bahawa "dadah 7 ketul ada dengan saya, saya simpan dalam bilik"" dan pihak pendakwaan telah bersetuju untuk mengetepikan ("expunged") kenyataan tersebut (rujuk Nota Keterangan m.s 70). Oleh yang demikian, saya berpendapat seksyen 8 Akta Keterangan 1950 adalah tidak terpakai terhadap OKT. Walau bagaimanapun, ianya tidak melepaskan OKT daripada anggapan pengetahuan di bawah seksyen 37(d) ADB 1952 sepertimana yang digunapakai oleh pihak pendakwaan. Anggapan pengetahuan di bawah seksyen 37(d) ADB 1952 terpakai kepada OKT memandangkan OKT adalah orang yang tinggal di bilik no. 3 tersebut dimana tempat dadah dijumpai.

[26] Oleh yang demikian, kami mendapati tiada merit dalam alasan rayuan pertama perayu.

[27] Sekarang kami beralih kepada alasan rayuan kedua, ketiga dan keempat perayu berhubung dengan hujahan peguam bela terpelajar bahawa kemungkinan dadah berkenaan telah diletakkan oleh orang lain dan dapatan hakim bicara bahawa perayu mempunyai jagaan dan kawalan terhadap bilik di mana dadah ditemui dan bahawa perayu mempunyai milikan ke atas dadah yang dipertuduhkan. Hujahan peguam bela adalah berkisar kepada dakwaan bahawa perayu gagal dibuktikan mempunyai milikan eksklusif ke atas dadah yang dipertuduhkan kerana pendakwaan telah gagal untuk membuktikan bilik di mana dadah ditemui tidak boleh diakses oleh orang lain selain dari perayu. Hujahan peguam bela telah disandarkan kepada fakta-fakta berikut:

(a) keterangan SP1 yang tidak disangkal menyatakan bahawa saksi selalu masuk ke dalam bilik tersebut untuk menyimpan kain cadar dan kain dalam almari yang sama tetapi tidak pernah melihat tujuh ketulan mampat daun ganja diletakkan di dalam almari tersebut;

(b) keterangan SP5 yang menyatakan semua tujuh ketulan mampat daun ganja tersebut tidak tersembunyi dan hanya diletakkan atas timbunan cadar;

(c) keterangan SP4 menunjukkan tujuh ketulan mampat dadah itu boleh dan telah ditemui dengan senang;

(d) bilik itu tidak boleh dikunci dari luar dan almari di mana dadah ditemui juga tidak boleh dikunci;

(e) keterangan SP1 dan SP2 yang menyatakan bahawa rakan-rakan perayu selalu masuk dalam bilik tersebut untuk sesi latihan muzik;

(f) keterangan SP5 yang bersetuju bahawa ada kemungkinan orang lain boleh keluar dan masuk ke dalam bilik tersebut kerana bilik itu tidak boleh dikuncikan; dan

(g) tiada keterangan bahawa terdapat DNA mahupun kesan cap jari perayu pada barang kes dadah yang dirampas.

[28] Berkaitan dengan pemilikan secara eksklusif dadah yang dipertuduhkan, kami ingin menyatakan sekali lagi seperti telah kami katakan dalam kes *Hooman Khanloo v. PP* [2015] 6 CLJ 1005 bahawa tiada sebarang peruntukan undang-undang yang mengatakan bahawa pihak pendakwaan mesti membuktikan penggunaan secara eksklusif bilik dan pemilikan eksklusif dadah yang dipertuduhkan sebelum sabitan boleh dikekalkan. Apa yang perlu dibuktikan adalah elemen milikan dan pengedaran. Bukti milikan tidak semestinya eksklusif kepada tertuduh. (lihat juga *PP v. Lim Chsung Meng & Anor And Another Appeal* [2015] 1 LNS 1226).

[29] Berkaitan dengan isu akses oleh pihak ketiga terhadap bilik di mana dadah ditemui dan kegagalan hakim bicara untuk menimbangkan dengan secukupnya pembelaan perayu bahawa rakan-rakannya terutamanya seorang bernama Ian Hooi ada akses terhadap bilik beliau, kami telah meneliti semula rekod rayuan dan mendapati ada merit dalam hujahan peguam bela perayu. Keterangan yang telah dikemukakan oleh SP1, SP2 dan SP5 menunjukkan bahawa terdapat kemungkinan besar bilik di mana dadah ditemui turut diakses oleh rakan-rakan perayu dan ahli keluarga perayu sendiri serta ditambah pula dengan fakta bahawa bilik dan almari tidak boleh dikunci. Kami mendapati kes pihak pendakwaan menampakkan kelemahan-kelemahan sehingga mengakibatkan sabitan terhadap perayu tidak selamat untuk dipertahankan.

[30] Kami turut mendapati bahawa kelemahan dalam penyiasatan oleh SP5 apabila beliau gagal untuk menyiasat penglibatan penama "Ian Hooi" telah memprejudiskan perayu. Perayu menyatakan kemungkinan dadah telah diletakkan oleh rakan beliau bernama "Ian Hooi". Nama penuh "Ian Hooi" iaitu "Ian Hooi Wern Hoa" telah diberitahu oleh perayu kepada SP5 dan turut telah disebutkan oleh perayu dalam percakapan beramarannya, namun gagal disiasat oleh SP5. Saksi SP5 mengakui beliau gagal untuk menyiasat

A "Ian Hooi" kerana saksi hanya menumpukan siasatannya terhadap perayu. Kami mendapati bahawa penama "Ian Hooi" bukanlah satu watak rekaan. Kami yakin bahawa penama "Ian Hooi" adalah sebenarnya wujud berdasarkan kepada keterangan SP4 sendiri bahawa sebelum perayu ditangkap, "Ian Hooi" telah terlebih dahulu ditangkap. Hasil maklumat yang
B telah diberikan oleh "Ian Hooi", SP4 telah melakukan serbuan dan menangkap perayu yang dikenali sebagai "Adik Mi". Malahan, "Ian Hooi" telah dipertuduhkan dengan kesalahan memperedarkan dadah berbahaya di Mahkamah Tinggi Shah Alam melalui kes No. 45A-153-08-2013. Oleh itu, kami bersetuju dengan hujahan peguam bela bahawa satu 'notis *Alcontara*'
C yang sempurna dan efektif telah diberikan kepada pihak polis. Selain penama "Ian Hooi", perayu turut menyatakan bahawa rakan-rakannya yang lain bernama Adip, Awok, Nasyriq, Nordin, Alif dan Roy sering datang ke bilik perayu. Penama-penama ini juga gagal disiasat oleh pihak polis. Tidak ada satu cebis keterangan pun dikemukakan oleh pihak pendakwaan mengenai penama-penama ini.

D

[31] Keterangan berkaitan penama "Ian Hooi" yang berada di hadapan hakim bicara adalah seperti berikut:

(a) Keterangan SP4 semasa pemeriksaan balas (ms. 83 RR Jld. 2):

E S: Adakah tuan juga menangkap seorang suspek bernama Ian Hooi Wern Hao?

J: Tidak, bagi kes ini.

S: Bukan bagi kes ini. Juga seorang suspek berkaitan dengan perisikan tuan?

F J: Saya tidak ingat.

(b) Keterangan SP5 dalam pemeriksaan balas (ms. 101-102 RR Jld. 2):

S: Tuan pernah dengar seorang yang bernama Ian Hooi?

J: Dalam percakapan beramaran Mohd Helmi ada sebut nama Ian.

G S: Tahukah tuan bahawa Ian telahpun ditangkap sejurus sebelum Helmi ditangkap oleh anggota tangkapan yang sama iaitu ASP Mohd Sahar?

J: Itu saya tidak pasti.

H S: Kalau saya katakan Ian Hooi telahpun dituduh di Mahkamah Tinggi Shah Alam dengan nombor kes beliau 45A-153-08/2013, adakah tuan tahu mengenai ini?

J: Saya tidak tahu.

S: Ini bermaksud kes Ian Hooi didaftarkan sebelum kes hari ini. Tuan
I tahu atau tidak? Kes hari ini nombor pendaftarannya adalah 169 manakala nombor pendaftaran untuk Ian Hooi ialah 153. Jadi dia didaftarkan terlebih dahulu. Setuju?

J: Saya tidak tahu pasal Ian Hooi.

S: Adakah tuan dimaklumkan bahawa Ian Hooi ini kenalan OKT? A

J: Setuju.

S: Dan Ian sering datang ke rumah OKT?

J: Itu saya tak pasti.

S: Setuju jika saya cadangkan mengikut P3 bermula "bertindak atas maklumat" dimana "bertindak atas maklumat" itu bersamaan dengan bertindak atas maklumat yang diberikan oleh Ian Hooi. Setuju atau tidak? B

J: Itu saya tidak tahu.

(c) Keterangan SP5 semasa pemeriksaan semula (ms. 106 RR Jld. 2): C

S: Kamu setuju bila peguambela cadangkan penama Ian Hooi adalah kenalan OKT. Kenapa kamu setuju dan bagaimana kamu tahu?

J : Saya setuju sebab hasil daripada rakaman percakapan terhadap Mohd Helmi Akmal. D

S : Adakah kamu siasat berkenaan Ian Hooi ini?

J : Tidak ada.

S : Sebab?

J : Sebab saya tumpukan pada kes Mohd Helmi. E

(d) Keterangan perayu dalam pemeriksaan utama (ms. 116-117 RR Jld. 2):

S: Siapakah seorang individu bernama Ian Hooi? Siapa Ian Hooi?

J: Rakan Saya.

S: Macamana disebut rakan? F

J: Rakan sekerja dahulu semasa saya kerja di Starbuck dahulu. Saya kenal dia lebih 3 tahun.

S: Dulu kenal dekat Starbuck?

J: Ya. G

S: Dia ada datang ke rumah kamu atau tidak?

J: Ada datang ke rumah saya, sering.

S: Kamu tahukah apa aktiviti yang dia terlibat?

J: Saya tidak tahu. H

[32] Kami mendapati tidak ada sebarang soalan dikemukakan oleh pihak pendakwaan kepada perayu dalam pemeriksaan balas berkaitan penama Ian Hooi. Hakim bicara sebaliknya dalam penghakimannya telah menolak pembelaan perayu atas alasan pembelaan perayu hanya penafian kosong semata-mata dan tidak disokong oleh mana-mana keterangan sokongan yang lain. Dapatan hakim bicara mengenai perkara ini adalah seperti berikut (ms. 41 RR Jld. 1): I

A Keterangan pembelaan OKT hanyalah penafian kosong semata-mata ("bare denial") dan tidak disokong oleh mana-mana keterangan sokongan yang lain.

[33] Berkaitan dengan penama "Ian Hooi", hakim bicara turut menolak pembelaan perayu atas alasan yang sama iaitu bahawa pembelaan perayu B hanya satu penafian kosong semata-mata oleh kerana tiada saksi dipanggil untuk menyokong pembelaan perayu. Hakim bicara turut mengkritik pembelaan perayu apabila menyatakan bahawa perayu telah gagal untuk memberikan butiran lanjut mengenai "Ian Hooi" kepada pihak polis. Hakim bicara telah memetik penghakiman Mahkamah Rayuan dalam kes *Saeid Reza* C *Mohammadi Mohammad lwn. PP* [2016] 1 LNS 303.

[34] Kami bersetuju dengan penghujahan peguam bela terpelajar bahawa hakim bicara telah gagal untuk membuat penilaian dengan secukupnya terhadap pembelaan perayu. Malahan, kami mendapati bahawa hakim bicara turut terkhilaf apabila meletakkan beban yang lebih tinggi ke atas perayu D untuk memanggil saksi-saksi bagi menyokong pembelaan perayu. Mengenai kritikan hakim bicara bahawa butir-butir lanjut penama "Ian Hooi" telah gagal diberikan oleh perayu kepada SP5, kami mendapati kritikan itu adalah tidak wajar dan tersasar. Keterangan menunjukkan bahawa penama "Ian Hooi" turut ditangkap oleh SP4 sebelum perayu ditangkap. "Ian Hooi" turut E dipertuduhkan atas kesalahan memperedarkan dadah berbahaya di Mahkamah Tinggi Shah Alam melalui kes No: 45A-153-08-2013. Sekiranya SP5 ingin menyiasat penama "Ian Hooi", ia dengan mudah dapat dilakukan tetapi SP5 telah memilih untuk tidak melakukan sebarang penyiasatan terhadap "Ian Hooi" atas sebab yang beliau berikan bahawa beliau hanya ingin menumpukan penyiasatan beliau terhadap perayu semata-mata. F

[35] Dalam hubungan ini, barangkali suai manfaat jika kami perturunkan beberapa petikan keputusan Mahkamah Agung India yang menekankan bahawa siasatan hendaklah dijalankan dengan adil dan saksama. Siasatan bukan sahaja tertumpu kepada pengumpulan keterangan yang boleh G menunjukkan bahawa tertuduh telah melakukan kesalahan tetapi meliputi juga pengumpulan keterangan yang boleh menentukan tertuduh tidak melakukan kesalahan yang menjadi hal perkara yang disiasat. Dalam kes *Manu Sharma v. State (NCT of Delhi)*, [2010] 6 SCC I, Mahkamah Agong India menyatakan:

H The criminal justice administration system in India places human rights and dignity for human life at a much higher pedestal. In our jurisprudence an accused is presumed to be innocent till proved guilty, the alleged accused is entitled to fairness and true investigation and fair trial and the prosecution is expected to play balanced role in the trial of a crime. The investigation should be judicious, fair, transparent and expeditious to I ensure compliance with the basic rule of law. These are the fundamental canons of our criminal jurisprudence and they are quite in conformity with the constitutional mandate contained in Articles 20 and 21 of the Constitution of India.

[36] Dalam nada dan irama yang sama, Mahkamah Agong India menyatakan dalam kes *Sasi Thomas v. State and Ors* [2006] 12 SCC 421 seperti berikut:

> Proper and fair investigation on the part of the investigating officer is the backbone of rule of law. A proper and effective investigation into a serious offence and particularly in a case where there is no direct evidence assumes great significance as collection of adequate materials to prove the circumstantial evidence becomes essential. Unfortunately, the appellant has not been treated fairly.

[37] Dalam kes *Saeid Reza (supra)*, fakta kes itu dapat dibezakan. Perayu kes itu dalam pembelaannya menyatakan bahawa laptop (P29) yang dibawa oleh perayu telah diberikan kepadanya oleh seorang bernama Abbas Jamali yang turut bersamanya dalam penerbangan dari Syria. Nama Abbas Jamali tidak pernah timbul semasa kes pendakwaan dan butir-butir mengenai Abbas Jamali juga tidak pernah diberikan kepada pihak polis semasa tangkapan dan semasa penyiasatan pihak polis. Berlainan dengan kes terhadap perayu di hadapan kami. Penama "Ian Hooi" telah ditimbulkan semasa siasatan melalui percakapan beramaran perayu seperti dipersetujui oleh SP5 dan telah diletakkan kepada saksi-saksi SP4 dan SP5 semasa kes pendakwaan lagi. Oleh itu, adalah tidak tepat apabila hakim bicara bersandar kepada kes *Saeid Reza* dalam membuat dapatan yang berlawanan terhadap perayu.

[38] Sekarang kami beralih kepada alasan rayuan terakhir perayu iaitu mengenai isu pemakaian anggapan berganda oleh hakim bicara. Walaupun dibantah oleh Puan Timbalan Pendakwa Raya ('Puan TPR'), namun kami telah membenarkan peguam bela menghujahkan isu ini. Kami sedar bantahan Puan TPR berlandaskan kepada peruntukan di bawah s. 307(6) Kanun Tatacara Jenayah ('KTJ') yang menyatakan bahawa alasan-alasan rayuan hendaklah dinyatakan di dalam petisyen rayuan. Seksyen 307(6) KTJ berbunyi:

> (6) Every petition of appeal shall state shortly the substance of the judgment appealed against and shall contain definite particulars of the points of law or of fact in regard to which the Court appealed from is alleged to have erred.

[39] Kami sedar bahawa isu mengenai pemakaian anggapan berganda oleh hakim bicara adalah suatu isu undang-undang yang sewajarnya dinyatakan di dalam petisyen rayuan perayu, namun petisyen rayuan perayu telah gagal berbuat demikian. Walau bagaimanapun, pada pandangan kami, isu pemakaian anggapan berganda adalah suatu isu undang-undang yang penting dan demi mengelakkan berlakunya kegagalan keadilan, kami telah membenarkan peguam bela terpelajar untuk menghujahkan isu ini. Kami telah melaksanakan kuasa budi bicara seperti yang termaktub di bawah peruntukan s. 310 KTJ yang berbunyi seperti berikut:

> 310. A Judge may, on the application of any person desirous of appealing who may be debarred from so doing upon the ground of his not having observed some formality or some requirement of this Code, permit an

A appeal upon such terms and with such directions to the Magistrate and to the parties as the Judge shall consider desirable, in order that substantial justice may be done in the matter.

[40] Setelah meneliti penghakiman bertulis hakim bicara, kami mendapati adalah benar bahawa hakim bicara telah mengguna pakai anggapan B pengetahuan di bawah s. 37(d) Akta dan juga telah mengguna pakai anggapan di bawah s. 37(da) Akta untuk elemen pengedaran. Dapatan hakim bicara tersebut di ms. 31 RR Jld. 1, seperti berikut:

> Walau bagaimanapun, ianya tidak melepaskan OKT daripada anggapan pengetahuan di bawah seksyen 37(d) ADB 1952 sepertimana yang C digunapakai oleh pihak pendakwaan. Anggapan pengetahuan di bawah seksyen 37(d) ADB 1952 terpakai kepada OKT memandangkan OKT adalah orang yang tinggal di bilik no. 3 tersebut di mana tempat dadah dijumpai.
>
> Justeru, adalah menjadi tanggungjawab pihak pembelaan untuk mematahkan anggapan pengetahuan ini dan membuktikan sebaliknya. D
>
> Seterusnya bagi elemen pengedaran, saya bersetuju dengan pihak pendakwaan bahawa anggapan di bawah seksyen 37(da) Akta Dadah Berbahaya adalah terpakai.

[41] Kami turut mendapati bahawa di akhir kes pembelaan, hakim bicara E gagal membuat dapatan mengenai anggapan pengedaran di bawah s. 37(da) Akta iaitu sama ada perayu telah berjaya atau gagal mematahkan anggapan pengedaran atas imbangan kebarangkalian. Hakim bicara hanya membuat dapatan mengenai anggapan di bawah s. 37(d) Akta berkaitan dengan isu pengetahuan seperti berikut (ms. 43 RR Jld.1):

F > Pihak pembelaan telah gagal untuk mematahkan anggapan pengetahuan di bawah seksyen 37(d) ADB 1952 dan seterusnya pihak pembelaan gagal menimbulkan keraguan munasabah terhadap kes pendakwaan.

[42] Dalam kes *Muhammed Hassan v. PP* [1998] 2 CLJ 170 Mahkamah Persekutuan dalam keputusannya telah menghalang penggunaan anggapan G berganda di bawah s. 37(d) dan s. 37(da) Akta dan bahawa anggapan pengedaran di bawah s. 37(da) Akta hanya boleh terpakai selepas terdapatnya dapatan yang positif tentang pemilikan sebenar dadah yang dipertuduhkan oleh hakim bicara. Alasan terhadap halangan penggunaan anggapan berganda telah diperjelaskan kemudiannya oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes H *PP v. Abdul Manaf Muhamad Hassan* [2006] 2 CLJ 129, seperti berikut:

> The *ratio decided* in *Muhammed bin Hassan* is clear. One cannot rely on the presumption of possession under s. 37(d) of the Act to invoke a further presumption of trafficking under s. 37(da) of the Act.

[43] Kami sedar bahawa Akta telah dipinda melalui Akta Dadah Berbahaya I (Pindaan) 2014 (Akta A1457) dan mulai berkuat kuasa pada 15 Februari 2014. Melalui pindaan tersebut, s. 37A baru telah dimasukkan yang membenarkan penggunaan anggapan yang berganda. Seksyen 37A yang baru tersebut berbunyi:

> 37A. Notwithstanding anything under any written law or rule of law, a presumption may be applied under this Part in addition to or in conjunction with any other presumption provided under this Part or any other written law.

[44] Pada hemat kami, peruntukan di bawah seksyen baru 37A tersebut adalah merupakan undang-undang substantif yang tidak boleh berkuat kuasa secara kebelakangan ("retrospective") dan sepatutnya terpakai secara kehadapan ("prospective"). Prinsip undang-undang mantap ini telah diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes *Dalip Bhagwan Singh v. PP* [1997] 4 CLJ 645, seperti berikut:

> In respect of legislation on substantive law, there is a rule of presumption that it is not retrospective in operation in the absence of a contrary intention by express words or by necessary implication. Conversely, in respect of legislation on evidence or procedure, the presumption is that it is retrospective in operation in the absence of a contrary intention, unless, the application of such legislation deprives a person of a vested right and offends art. 7 of the Federal Constitution.

[45] Berbalik kepada kes rayuan di hadapan kami, pertuduhan terhadap perayu menyatakan bahawa tarikh kejadian berlaku pada 13 Februari 2013 iaitu sebelum tarikh kuat kuasa peruntukan baru s. 37A tersebut. Pada hemat kami, peruntukan itu yang berbentuk undang-undang substantif tidak terpakai secara kebelakangan. Dengan itu, s. 37A yang membenarkan kedua-dua anggapan adalah tidak terpakai dalam kes terhadap perayu. Oleh yang demikian, kami mendapati hakim bicara telah tersalah arah yang serius apabila mengguna pakai kedua-dua anggapan di bawah s. 37(d) dan 37(da) Akta terhadap perayu. Salah arahan yang serius oleh hakim bicara dalam kes ini mengundang campur tangan kami selaku mahkamah atasan yang mendengar rayuan perayu (lihat juga *Mohamad Hanafi Mohamad Hashim lwn. PP* [2016] 6 CLJ 378).

Kesimpulan

[46] Atas alasan-alasan yang telah kami huraikan di atas, kami mendapati terdapat merit dalam rayuan perayu terhadap sabitan. Selepas meneliti semua keterangan yang ada di hadapan kami, kami telah bertanya satu soalan iaitu sama ada sabitan yang dibuat oleh hakim bicara selamat. Hanya satu jawapan sahaja yang dapat kami berikan iaitu sabitan adalah tidak selamat. Oleh itu, rayuan perayu dibenarkan. Perintah sabitan dan hukuman mati oleh Mahkamah Tinggi dengan ini diketepikan. Kami gantikan dengan perintah perayu dilepas dan dibebaskan daripada pertuduhan.